



# Cambridge IGCSE™

---

**FIRST LANGUAGE MALAY**

**0696/01**

Paper 1 Reading and Directed Writing

**May/June 2022**

INSERT

**2 hours**

---

## INFORMATION

- This insert contains the reading passages.
- You may annotate this insert and use the blank spaces for planning. **Do not write your answers** on the insert.

## MAKLUMAT

- Sisipan ini mengandungi teks-teks bacaan.
- Anda boleh membuat catatan pada sisipan ini dan gunakan ruang kosong untuk merangka jawapan.  
**Jangan tulis jawapan anda** pada sisipan tersebut.

---

This document has **8** pages. Any blank pages are indicated.

Baca Teks A, kemudian jawab Soalan 1 dalam Kertas Soalan.

**Teks A: Minta Secawan Kopi Tenom**

(Oleh Nisah Haron disuaipadankan, Februari 2011)

“Bila kau sampai di sana, jangan lupa sekampit kopi Tenom untuk aku, ya,” pesan Murni. “Sedap tahu, kopinya!”

Idariah sudah melawat Filipina, Singapura, Indonesia dan negara China. Inilah kali pertama dia berpeluang ke Sabah.

Tenom? Kopi? Hatinya agak kesal. Membaca tentang negaranya sendiri juga ada kalanya diabaikan. Masih banyak yang tidak diketahui. 5

Dahulu, dia pernah memohon untuk menjadi guru.

“Nanti kau dihantar ke kawasan jauh dari bandar, baru kau tahu,” alasan itu selalu dihantar ke gegendangnya.

Di dalam hatinya, dia terlalu ingin menjawab, “Saya sukakan cabaran! Saya mahu kayakan pengalaman hidup.” 10

Suara itu hanya berlegar-legar dalam hati, perasaan dan mindanya.

Seperti angin yang tidak lepas dari badan. Kepalanya sakit menahan perasaan. Hasrat itu terus terpendam.

“Carilah peluang melanjutkan pelajaran di mana-manapun, asalkan kau bekerja di bandar. Kami risau kalau kau dihantar ke ceruk mana,” kata ayah. 15

Ya, dia tidak berjaya menjadi guru. Tetapi akhirnya, dia sampai juga ke sini sebagai seorang penulis. Di daerah yang serba baharu baginya. Takdir itu tetap tertulis untuknya walaupun masa ketibaannya ke daerah ini sedikit tertunda.

“Berapa jauh perjalanan ke Tenom?” 20

“Sekitar tiga jam, Puan Idariah,” jelas pemandunya.

“Bagaimana perjalanannya?”

“Kita akan naik bukit turun bukit. Jalannya kurang baik. Berkelok-kelok.”

Idariah bertanya sekadar mahu mempersiapkan mindanya.

Acara akan bermula lusa. Sengaja Idariah memilih untuk datang awal. Kasad dan maksud, supaya dirinya tidak terkejar-kejar di destinasi yang dia tidak pernah sampai ini. 25

“Ada apa di Tenom?”

“Kopi Tenom, puan.”

Jawapan klise untuk pelancong, tetapi Idariah bukan pelancong.

Benar seperti apa yang digambarkan pemandu tadi. Semakin jauh Kota Kinabalu ditinggalkan, hawa yang mencuri masuk dari tingkap kenderaan pacuan empat roda itu semakin menggigit. 30

“Kita berhenti di Gunung Mas, ya, puan? Gunung Mas ialah puncak tertinggi dalam perjalanan kita. Selepas ini perjalanan kita ke Keningau akan menurun bukit semuanya. Kita rehat sebentar sementara hari masih terang.”

Sariman membeli dua cawan kopi di gerai berhampiran.

35

“Apa istimewanya kopi Tenom, Encik Sariman?”

“Kena rasa dulu. Orang Sabah sudah biasa minum. Mungkin sudah tidak luar biasa lagi rasanya.”

Idariah menghirup perlahan-lahan kopi yang berasap tipis itu. Aromanya menusuk ke rongga hidung. Seteguk ditelan. Rasanya lemak. Sukar untuk diceritakan. Namun dia pasti rasanya berbeza daripada kopi Palembang yang pernah dibelinya dahulu. Jauh sekali rasanya daripada Nescafe ataupun kopi-kopi bersisip ramuan herba.

40

“Rasanya sungguh asli!”

Sariman tersenyum.

“Jauh lagi mahu sampai ke Tenom?”

45

“15 – 20 minit sampailah kita.”

Hati Idariah semakin teruja. Perjalanan pertama kali ke daerah Borneo ini terus disogokkan dengan warna dan corak perjalanan ke kawasan pedalaman.

“Ingat tau, orang di sana sepuluh tahun tertinggal dari kita di Semenanjung,” kata seorang kenalan.

50

Itulah yang Idariah cuba perhatikan di sepanjang perjalanannya.

Adakah benar mereka tertinggal dari aspek pembangunan? Dia lihat bahawa mereka semua tidak terkejar-kejar seperti orang di Kuala Lumpur. Kehidupan mereka amat tenang dan bersahaja.

Papan tanda warna perang berbentuk secawan kopi dengan tulisan ‘Tenom’ menyambut singgahan pertamanya. Huruf ‘O’ pada perkataan Tenom itu dibubuh gambar biji kopi. Sesungguhnya kopi dan Tenom ini sesuatu yang sangat sinonim, fikir Idariah. Masih ada sawah padi menghijau di kiri dan kanan perjalanannya.

55

Sungguh mendamaikan!

Ketibaannya di hotel disambut mesra petugas Dewan Bahasa dan Pustaka.

60

Selepas sarapan pagi, Idariah dibawa ke Sekolah Menengah Kebangsaan Tenom, sebuah sekolah bestari di daerah ini. Langkahnya terhenti apabila ketibaannya disambut hampir 300 orang murid dengan tepukan gemuruh.

Belum pernah dia disambut sedemikian rupa di mana-mana sekolah di Semenanjung. Masih terbayang bagaimana dia juga suatu ketika dahulu bertepuk dengan sekuat-kuat hati jika ada tetamu yang datang ke sekolah.

65

Ketika ceramah dimulakan, anak-anak di hadapannya mendengar terpekur. Langsung tidak ada yang mencuit-cuit kawan ataupun mengalih tumpuan ke kiri dan ke kanan. Sehingga akhir ceramahnya ditamatkan dengan satu lagi tepukan gemuruh, mereka masih lagi tidak berganjak.

- Tidak cukup dengan itu, Idariah dihujani soalan bertubi-tubi. 70
- Ada yang bertanya tentang hal-hal kebahasaan.
- “Adakah penggunaan bahasa daerah dalam penulisan kreatif dibenarkan, Puan Idariah?”
- Idariah menghadam soalan itu satu dua saat.
- “Bahasa daerah ialah warna tempatan. Bagi saya penggunaannya amat wajar jika dapat disesuaikan dengan tempat. Lagipun, siapa lagi yang mahu mengangkat bahasa daerah jika bukan kita yang mahir dengan penggunaannya. Apabila menulis, fikirkan juga kepada pembaca yang mungkin tidak pernah mendengar perkataan daerah. Gunakan perkataan itu dalam konteks di mana pembaca boleh meneka maknanya.” 75
- “Kalau saya menulis tentang sejarah tempat ini dalam karya saya, apakah pembaca luar boleh menghargainya?” tanya seorang lagi. 80
- “Kitalah yang perlu menulis tentang sejarah tempat kita. Apabila saya bertanya asal-usul nama Tenom, ada yang menjawab ia nama seorang pahlawan tempatan – Antenom tetapi apabila saya mencari bahan-bahan tentang pahlawan ini, sukar sekali untuk mendapatkannya. Jadi, kalau bukan orang tempatan yang menulis, siapa lagi?”
- Masing-masing terpaku. 85
- Seusai acara, Idariah masih lagi diserbu para pelajar.
- “Puan, saya mahu jadi seperti puan,” kata seorang pelajar.
- Sekembalinya ke hotel, Idariah masih lagi disaluti rasa bangga terhadap pencapaian anak-anak di daerah ini. Kawasan pedalaman bukanlah penghalang untuk mereka maju.
- “Ingat tau, orang di sana sepuluh tahun tertinggal dari kita di Semenanjung.” Kata-kata itu singgah lagi. 90
- Kini Idariah sudah faham. Ya, mungkin mereka tertinggal dalam beberapa aspek fizikal, lebih kurang sepuluh tahun ke belakang. Tetapi di tangan mereka masih ada hangat kemesraan seorang pelajar yang sentiasa menghargai guru-gurunya dan mereka yang mempunyai ilmu. Mereka masih lagi menyambut kedatangan seorang guru seperti mana yang Idariah pernah lakukan ketika dia sendiri bergelar pelajar. 95
- Di sini masih ada rahmat dan keberkatan yang melindungi seluruh penduduknya.
- Jika Murni bertanya “Ada apa di Tenom?”, Idariah akan menjawab, “Mintalah secawan kopi Tenom dan rasakan kemesraan penduduknya yang sehangat secawan kopi itu!”

Baca Teks B dan C, kemudian jawab Soalan 2 dalam Kertas Soalan.

**Teks B: Mengapakah masalah berita palsu sungguh berleluasa sekarang ini?**

*(Oleh Thomas P Mackay dan Trudi Jacobsen disuaipadankan, 6 Disember 2016)*

SEKARANG ini kita hidup di dunia di mana maklumat datang dalam pelbagai corak dan bentuk; daripada imej digital sehinggalah kepada multimedia, blog dan 'wiki'. Bukannya senang untuk diketahui kesahihan semua maklumat ini. Walau bagaimanapun, media sosial memudahkan individu serta organisasi untuk menyebarkan semua jenis kandungan digital.

Kita semua boleh menjadi jurugambar atau pencerita menggunakan alat dalam talian untuk menghasilkan bahan-bahan yang diolah dengan baik. Ini boleh dipergunakan oleh mereka yang bertujuan untuk mengelirukan - ataupun untuk menjadi kaya dengan mengumpul 'like' dan 'klik'. Jadi, apakah yang mesti anda buat kalau anda mahu menjadi seorang pengguna berita yang berpengetahuan dan bertanggungjawab? 5

Pertama sekali, belajar untuk melihat setiap sumber maklumat dan persoalkan kesahihannya. Sumber berita rasmi TV juga mungkin tidak tepat seperti rencana di dalam blog seseorang. 10

Ingat, anda mesti sentiasa menguasai perasaan anda ketika membaca sesuatu bahan berita. Bacalah dengan minda dan bukan dengan emosi; gunakanlah kemahiran berfikir anda.

Bacalah rencana-rencana yang bertentangan dengan pendapat anda supaya anda boleh mencabar tanggapan anda sendiri. Memang mudah terperdaya sekiranya anda hanya membaca apa yang memperkukuhkan kepercayaan anda sahaja. Ingatlah, walaupun anda bersetuju dengan sesuatu pendapat yang dikongsi dengan meluas di media sosial, ia tidak semestinya benar. Bertanya dan mencari maklumat tambahan tidak memerlukan banyak masa. 15

Sentiasalah teliti cara sesuatu yang anda perolehi dalam talian diolah atau dipersembahkan. Adakah teks, gambar, video, kartun atau lukisan itu dibuat untuk membarakan perasaan anda? Mungkinkah imej yang nampaknya begitu profesional semata-mata satu muslihat untuk menyebarkan berita palsu? 20

Ingatlah bahawa di media sosial, kita bukan pengguna semata-mata. Oleh kerana media sosial itu sesuatu yang interaktif dan kolaboratif, kita semua mempunyai tanggungjawab bersama. Pengguna yang bertanggungjawab tidak akan dengan semudahnya membuat hantaran sembarangan pendapat yang tidak berasaskan kebenaran. Mereka tahu bahawa di ruang awam, mereka mempunyai tanggungjawab untuk bersikap adil dan tepat dalam apa yang mereka kata dan kongsi. 25

Sekolah-sekolah perlu menyedarkan para pelajar akan isu-isu ini pada peringkat awal lagi supaya mereka lebih bertanggungjawab dalam penggunaan teknologi. Kita perlu memainkan peranan untuk membendung gejala berita palsu ini. 30

**Teks C: Impak berita palsu**

*(Oleh Linklaters disuaipadankan)*

TIDAK dapat diragukan lagi bahawa ahli-ahli politik menyebarkan maklumat yang menyimpang daripada kebenaran dan mereka benar-benar berbohong sejak kelahiran demokrasi Yunani 2,500 tahun yang lalu lagi.

**Content removed due to copyright restrictions.**

Masyarakat juga harus menambah pemahaman tentang alat yang boleh digunakan untuk menangani permasalahan ini dengan lebih bijak.

BLANK PAGE

**BLANK PAGE**

---

Permission to reproduce items where third-party owned material protected by copyright is included has been sought and cleared where possible. Every reasonable effort has been made by the publisher (UCLES) to trace copyright holders, but if any items requiring clearance have unwittingly been included, the publisher will be pleased to make amends at the earliest possible opportunity.

To avoid the issue of disclosure of answer-related information to candidates, all copyright acknowledgements are reproduced online in the Cambridge Assessment International Education Copyright Acknowledgements Booklet. This is produced for each series of examinations and is freely available to download at [www.cambridgeinternational.org](http://www.cambridgeinternational.org) after the live examination series.

Cambridge Assessment International Education is part of Cambridge Assessment. Cambridge Assessment is the brand name of the University of Cambridge Local Examinations Syndicate (UCLES), which is a department of the University of Cambridge.